

# TATABAHASA 1

## • NOTA

**Kata Nama Am** Merujuk manusia, benda, tumbuhan, binatang, tempat dan benda berwujud abstrak secara am. Ditulis dengan huruf kecil pada pangkal (kecuali awal ayat).

**Kata Nama Khas** Merujuk manusia, benda, binatang dan sebagainya secara khusus. Ditulis dengan huruf besar pada pangkal.

### Kata Nama

#### Kata Nama Am

- meja
- ayam
- bilik

#### Kata Nama Khas

- Honda
- Si Comel
- Kuala Lumpur

**A** Kelaskan kata nama am dan kata nama khas pada ruang jawapan yang disediakan.

Adidas kucing Melaka mamalia kereta api Pajero  
bayi bola Tan Sri Adam Waja tilam Siti

#### Kata nama am

|   |  |
|---|--|
| 1 |  |
| 2 |  |
| 3 |  |
| 4 |  |
| 5 |  |
| 6 |  |

#### Kata nama khas

|    |  |
|----|--|
| 7  |  |
| 8  |  |
| 9  |  |
| 10 |  |
| 11 |  |
| 12 |  |

**B** Gariskan jawapan yang betul.

- |                                                                                                                                |                                                                                                                        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>① Zainal belajar di Tahun Tiga (Unggul, unggul).</p> <p>② Saya gemar membaca (bola sepak, buku cerita) di perpustakaan.</p> | <p>③ (Feri, Baju) yang dipukul oleh Hani sangat cantik.</p> <p>④ Pesar raja itu terletak di (Kuala Lumpur, bilik).</p> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## TATABAHASA 2

### • NOTA

**Kata Ganti Diri** kata yang digunakan untuk menggantikan kata nama orang.

| Kata Ganti Diri | Kata Ganti Diri Pertama                   | Kata Ganti Diri Kedua                    | Kata Ganti Diri Ketiga           |
|-----------------|-------------------------------------------|------------------------------------------|----------------------------------|
| Contoh          | saya, aku, kita, kami, beta, hamba, patik | kamu, awak, anda, engkau, tuanku, kalian | ia, dia, mereka, beliau, baginda |

### A) Gariskan jawapan yang betul.

- 1 "Cikgu, Shahri tidak dapat datang berlatih kerana (beliau, dia) demam," kata Azmi.
- 2 (Baginda, Beliau, Dia) merasmikan dewan sekolah selepas menyampaikan ucapannya.
- 3 "(Kita, Kami, Engkau) hendak berlatih di padang," kata Ani dan Ima kepada Laila.
- 4 "Siapakah nama ibu (kamu, dia, saya)?" tanya Zamri kepada Rama.

### B) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.


|                                                                                            |  |        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------|--|--------|
| 1 _____ hendaklah sentiasa menghormati orang yang lebih tua daripada kita.                 |  | Beta   |
| 2 "_____ berjanji akan belajar bersungguh-sungguh," kata Izham kepada emaknya.             |  | Kita   |
| 3 Azman dan Azhari ialah adik-beradik kembar. _____ tidak boleh dipisahkan.                |  | Saya   |
| 4 "_____ mahu rakyat bersama-sama memulihkan ekonomi negara," titah Yang di-Pertuan Agong. |  | Mereka |

### TATABAHASA 3

#### • NOTA

##### Kata Nama Arah

Kata yang digunakan selepas kata sandi dan untuk menunjukkan arah.



#### A Gariskan kata nama arah dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 "Angkat tangan kamu ke atas," kata anggota polis kepada pencuri itu.
- 2 Dia terjatuh ke dalam kolam ikan itu.
- 3 Johari duduk di sisi teman baiknya, Zainal.
- 4 Lelaki yang berdiri di luar pagar itu ialah abang angkat Izzul.
- 5 "Pejam mata dan maju dua tapak ke hadapan," kata Cikgu Ismail semasa latihan jasmani.

#### B Gariskan kata nama arah yang sesuai untuk mengisi tempat-tempat kosong.

- 1 "Simpan seluar baharu ini di (dalam, bawah, samping) almari," kata emak.
- 2 Hanna duduk di (sebelah, atas, luar) Siti Aminah.
- 3 Pak Mat memberhentikan keretanya di (tengah, sisi, hadapan) bangunan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 4 Ayah menanam beberapa batang anak pokok rambutan di (belakang, tengah, barat) rumah kami.

## TATABAHASA 4

### • NOTA

**Kata Bilangan** Kata yang digunakan untuk menghitung sesuatu.

- kata bilangan tentu - satu, dua, tiga
- kata bilangan tak tentu - beberapa, segala, seluruh, sekalian, semua
- kata bilangan pisahan - setiap, tiap-tiap
- kata bilangan himpunan - berpuluh-puluh, kedua-dua
- kata bilangan tingkat - pertama, kedua

### A Gariskan kata bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Aqmal mendapat tempat pertama dalam acara itu.
- 2 Beberapa orang murid sedang bermain di padang.
- 3 Nurul tidak datang ke sekolah selama dua hari kerana dia demam.
- 4 Semua mangsa banjir itu dipindahkan ke tempat yang selamat.
- 5 Abang mengeluarkan separuh daripada wang simpanannya untuk membeli motosikal.
- 6 Pemain golf itu hanya mengutip lima mata bagi pukulan pertama.
- 7 Berpuluh-puluh hadiah disusun di atas meja.
- 8 Para murid dinasihatkan agar belajar dengan bersungguh-sungguh.

### B Isi tempat kosong dengan kata bilangan yang sesuai.

- 1 \_\_\_\_\_ orang anak Pak Samad bekerja sebagai doktor.
- 2 Mereka \_\_\_\_\_ berkawan baik sejak di bangku sekolah.
- 3 Kebakaran itu menyebabkan \_\_\_\_\_ orang penduduk hilang tempat tinggal.
- 4 Perlawanan itu terbahagi kepada \_\_\_\_\_ bahagian, iaitu suku akhir, separuh akhir dan akhir.
- 5 Perjalanan ke Kampung Gedangsa hanya memakan masa \_\_\_\_\_ jam.

• **NOTA**

**Penjodoh Bilangan** Perkataan yang digunakan bersama-sama dengan kata nama.

|                                     |                                  |
|-------------------------------------|----------------------------------|
| • <b>batang</b> - pen, pokok        | • <b>ketul</b> - batu, ais       |
| • <b>bentuk</b> - cincin, mata kail | • <b>kuntum</b> - bunga          |
| • <b>biiji</b> - kelapa, guli       | • <b>orang</b> - munda, guru     |
| • <b>bidang</b> - tanah, sawah      | • <b>pasang</b> - mepati, kasut  |
| • <b>bilah</b> - pisau, parang      | • <b>pucuk</b> - pistol, surat   |
| • <b>buah</b> - rumah, kereta       | • <b>sikat</b> - pisang          |
| • <b>butir</b> - pasir, mutiara     | • <b>tandan</b> - kelapa, pinang |
| • <b>elak</b> - gajah, kucing       | • <b>tangkai</b> - bunga         |
| • <b>helai</b> - kertas, daun       | • <b>ulas</b> - limau, durian    |
| • <b>hiris</b> - bawang, batang     | • <b>utas</b> - rantai, tali     |
| • <b>wrat</b> - rambut, gelang      | • <b>gugus</b> - anggur          |
| • <b>keping</b> - gambar, papan     |                                  |

**A** Isi tempat kosong dengan penjodoh bilangan yang betul.

|                                                                                     |                                                                                     |                                                                                     |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
| 1  | 2  | 3  |
| <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                |
| 4  | 5  | 6  |
| <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                |
| 7  | 8  | 9  |
| <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                | <input type="text"/>                                                                |

**B. Gariskan penjadoh bilangan yang paling sesuai.**

- 1 Encik Azfar Faiz menaiki (sebil, sebuah) kereta buatan Malaysia berwarna hitam.
- 2 (Sebilah, Sekeping) gunting digunakan untuk memotong reben sebagai tanda perasmian bangunan baharu sekolah saya.
- 3 Kakak memetik beberapa (kuntum, helai) bunga mawar di taman itu.
- 4 Daniel memelihara empat (buah, ekor) anab sebagai binatang kesayangan.
- 5 Adik memakan (segugus, sesikat) anggur yang dibeli oleh ayah.

**C. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.**

- |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>① Rajeswaran membeli dua _____ pensel di Kedai Mini Bagus.<br/>A helai<br/>B pucuk<br/>C batang</p> <p>② Polis manjumpai empat _____ pistol di rumah perompak itu.<br/>A pucuk<br/>B pintu<br/>C butir</p> <p>③ Se _____ pokok kelapa gading ditanam di hadapan rumah.<br/>A buah<br/>B potong<br/>C batang</p> <p>④ Puan Aini memakai se _____ baju kebaya yang cantik.<br/>A pasang<br/>B keping<br/>C buah</p> | <p>⑤ Fauzi selalu mandi di se _____ sungai di belakang rumah.<br/>A ulas<br/>B batang<br/>C keping</p> <p>⑥ Pak Hamid memakan beberapa _____ petai mentah.<br/>A mata<br/>B papan<br/>C kuntum</p> <p>⑦ Puan Hasnah mempunyai tujuh _____ anak lelaki.<br/>A orang<br/>B keping<br/>C pasukan</p> <p>⑧ Encik Zamarul menerima se _____ surat daripada anaknya.<br/>A batang<br/>B bentuk<br/>C pucuk</p> |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|